

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

Nama :

Baca dan fahami petikan di bawah:

Jom ke Pameran

“Siapakah yang hendak ikut cikgu pergi ke pameran agro?” tanya Cikgu Dali sewaktu mengajar dalam kelas.

“Apakah pameran agro, cikgu?” Samson bertanya sambil mengangkat tangan kanannya.

“Pameran agro mempamerkan produk keluaran petani, nelayan dan peniaga.” jelas Cikgu Dali.

“ Selain itu, apakah lagi yang dipamerkan, cikgu?” Morgan pula bertanya.

Cikgu Dali menerangkan bahawa di situ dipamerkan kejayaan tentang penyelidikan pertanian, perikanan dan perniagaan.

“Cikgu , di pameran itu ada jualan produk makanan?” tanya Chin Fei, ingin tahu.

Cikgu Dali segera menjawab, “Mestilah ada. Bukan sahaja jualan makanan, tetapi ada juga jualan anak benih, biji benih dan juga anak pokok.

Samson mencadangkan supaya mereka membeli anak benih dan anak-anak pokok untuk ditanam di taman herba sekolah.

Morgan bersetuju, “Bagus juga cadangan awak, saya setuju.”

“Saya juga setuju,” kata Chin Fei.

“Baiklah. Jika begitu, mari kita hebahkan hal ini kepada kawan-kawan yang lain,” kata Cikgu Dali.

PAMERAN AGRO

**PERINGKAT NEGERI
SELANGOR**

TEMPAT

**DEWAN MALAWATI,
KUALA SELANGOR**

TARIKH

9 HINGGA 11 MAC 20□□

MASA

**8:00 PAGI
HINGGA 6:00 PETANG**

**SEBARANG PERTANYAAN
BOLEH DIAJUKAN KEPADA:**

**ENCIK SALLEH BIN DAUD
017-23244567**

**ENCIK HASSAN BIN OMAR
014-44534333**

**MASUK
PERCUMA**

Jawab soalan latihan di bawah:

Pameran agro mempamerkan produk keluaran petani, nelayan dan peniaga

Taman herba sekolah

Dewan Malawati, Kuala Selangor

Pameran tentang kejayaan penyelidikan pertanian, perikanan dan perniagaan, jualan produk makanan dan anak pokok

Encik Salleh bin Daud dan Encik Hassan bin Omar

1. Di manakah pameran tersebut diadakan?
2. Apakah pameran agro?
3. Apakah aktiviti yang terdapat di pameran tersebut?
4. Dimanakah mereka bercadang untuk menanam anak benih dan anak pokok?
5. Jika ada sebarang pertanyaan, kepada siapakah mereka boleh ajukan?

Pilih nama herba berdasarkan gambar diberi.

pokok serai	pokok kunyit	limau purut
limau nipis	mengkudu	pegaga

